Bil. 7/2021 | Julai | www.library.uitm.edu.my
ISSN : 2735-1920

# IQRA'

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Perpustakaan Tun Abdul Razak

اقرأ

## BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

uitmlibrary | libraryuitm | libraryuitm | library.uitm.edu.my



***Bengkel Kepentingan Integriti & Jenayah Rasuah Dalam Kalangan Penjawat Awam***
PTAR Cawangan Shah Alam - **muka 8**




***Live@PTDI: The Psychology & Law of Cyberbullying***
PTAR Cawangan Johor - **muka 15**




***Program PTDI bersama Pelukis: Art As Therapy***
PTAR Cawangan Johor - **muka 16**




***Bengkel Systematic Literature Review: Komunikasi Dalam Matematik***
PTAR Cawangan Kelantan - **muka 22**




***100 Days of Reading Challenges Sempena Program UiTM Penang Baca***
PTAR Cawangan Pulau Pinang - **muka 29**




**Promosi@PTAR**

*Hak Cipta Terpelihara PTAR*

# SIDANG REDAKSI IQRA'

| | |
|---|---|
| PENASIHAT | Ts. Noor Hidayat bin Adnan |
| KETUA EDITOR | En. Jamalludin bin Hj. Sulaiman |
| EDITOR | Pn. Roslah binti Laman |
| PENYELARAS | Pn. Adlina binti Abdullah |
| REKA BENTUK GRAFIK | Pn. Noor Azureen binti Abd. Aziz |

## WARTAWAN/WAKIL CAWANGAN

| | |
|---|---|
| Shah Alam | : Pn. Adlina Abdullah, En. Mohd Alfarabie Mohd Nasir, Pn. Nik Zatihulwani Jamaludin, Tn. Hj. Ahmad Faizar Jaafar, Pn. Siti Salwa Abdul Rahman, En. Abdul Razak Abdul Rahman, Pn. Norazlin Mohd. Yusof, Pn. Nurul Farihah Sarmin Panut, Pn. Nor Hafizah Md. Hanafiah, Pn. Noredayu Rosli, Pn. Azian Azis |
| Melaka | : Cik Hazlin Ibrahim Khan, Pn. Siti Haidah Md Aziz & Cik Ilya Nur Fateen Othman |
| Perlis | : Cik Nor Azrina Kassim |
| Sabah | : Cik Marlia Yuming |
| Kedah | : Pn. Noor Azlin Abdullah |
| Pulau Pinang | : Pn. Rafidah Muhamad Sam, Pn. Nor Azilawati Mohamad Azmi, Pn. Nurhayati Hassan |
| Kelantan | : En. Muslim Ismail @ Ahmad |
| Perak | : En. Mohd Azim Ansori, Cik. Nur Dayana Mohd Narwawi |
| Sarawak | : Pn. Hapsah Suut |
| Pahang | : Pn. Norfitriah Mat Seman, En. Roshairi Che Razali, En. Mohd Anwar Hassim |
| Terengganu | : En. Mohd Shahnizam Mat Zain, Pn. Asmahani Abdullah |
| Johor | : Pn. Siti Rozana Mat Sanat, Pn. Nor Azelea Mohd Azahar |
| N. Sembilan | : En. Syaiful Hisyam Saleh, En. Mohd Hafiz Kasirun & Pn. Nur Rabita Rouzan |
| Selangor | : Pn. Nurul Diana Jasni, Pn. Nur Fatihah Muhamad, Pn. Nur Aina Amira Rasidi, Pn. Wan Rohani Wan Chin |



## PENERBIT

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
Universiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

## KEKERAPAN KELUARAN

12 Keluaran Setiap Tahun

ISSN NO : 2735-1920


*Hak Cipta Terpelihara PTAR*

# Apakah Peranan Pustakawan?

***Amalan dan tabiat membaca amat penting sebagai asas untuk memperoleh ilmu pengetahuan demi menjayakan pembelajaran sepanjang hayat. Melalui pembacaan, seseorang itu bukan sahaja memperoleh ilmu pengetahuan. Pada Pandangan tuan/puan, apakah peranan perpustakaan dalam menggalakkan tabiat membaca di kalangan warga universiti.***

"

*Perpustakaan memainkan peranan penting dalam menggalakkan tabiat membaca di kalangan warga universiti. Sebagai knowledge-hub yang mempunyai pelbagai sumber ilmu merangkumi pelbagai bidang. Perpustakaan berperanan untuk "membawakan bahan bacaan" terus kepada warga universiti. Perkhidmatan Selective Dissemination Information dan Book Delivery Services misalnya merupakan satu inisiatif yang bijak dalam menggalakkan tabiat membaca kepada warga universiti tanpa mereka perlu hadir secara fizikal ke bangunan perpustakaan, dan ianya lebih 'personal' serta berfokus. Promosi bahan bacaan umum berbentuk santai dan hobi juga perlu dalam menggalakkan warga universiti membaca. Pembelajaran sepanjang hayat tidak hanya tertumpu kepada bidang akademik sahaja, justeru dengan kelebihan sumber maklumat dan kepakaran kemahiran promosi yang ada di perpustakaan, hebahan bahan yang menarik dirasakan mampu menarik minat pembaca warga universiti untuk membaca. Kepelbagaian inisiatif dalam penganjuran program galakan membaca juga boleh diadakan bagi menggalakkan tabiat membaca di kalangan warga universiti. Perpustakaan juga boleh mengadakan program membaca secara kerjasama dalaman antara jabatan/unit. Dengan kepelbagaian teknologi dan perisian, perpustakaan perlu lebih kreatif untuk melibatkan semua kategori staf dan pelajar warga universiti dalam pertandingan membaca yang dianjurkan. Pengaruh perkembangan maklumat melalui digital tidak harus menghentikan usaha amalan membaca yang menjadi asas memperoleh ilmu pengetahuan. Justeru, perpustakaan haruslah mempunyai perancangan yang tersusun dan sistematik dalam menjayakan program pembudayaan tabiat membaca di kalangan warga universiti.*



## KENALI PUSTAKAWAN ANDA



# ASMAHANI BINTI ABDULLAH

***Sedikit perkongsian kepakaran melalui pengalaman beliau:***

*Seiring dengan perkembangan teknologi, cabaran tugas Pustakawan sebagai profesional maklumat dirasakan semakin mencabar saban tahun baik dari segi pengurusan maklumat, sumber manusia mahupun perkhidmatan kepada pengguna. Latihan di awal kerjaya oleh seorang ketua yang tegas sedikit sebanyak telah melatih dan mendisiplinkan diri pada hari ini. Integriti merupakan satu pegangan agar sentiasa berkhidmat dan memberikan yang terbaik walaupun di luar pemantauan, tambahan pula di waktu mode bekerja dari rumah di sepanjang musim Perintah Kawalan Pergerakan ini. Apa saja tugasan yang diberi perlu disiapkan dengan sehabis baik dan jangan bertangguh. Sentiasa belajar meningkatkan kemahiran dengan menguasai ilmu agar tidak ketinggalan dan sentiasa relevan. Sememangnya umum mengetahui bahawa kunci kecemerlangan organisasi adalah komunikasi dalaman dan semangat kerjasama berpasukan dalam organisasi itu sendiri kerana auranya itu dapat dirasai oleh semua pemegang taruh termasuk pengguna. Sentiasalah juga berhubung dengan rakan sejawat dari cawangan lain agar terus bermotivasi untuk bekerja, di samping dapat memastikan kita berada pada trek laluan yang betul. Bertuahnya kita keluarga UiTM kerana mempunyai circle yang besar. Ramai boleh dirujuk. Oleh sebab itu, di sepanjang kerjaya saya, walaupun dalam kumpulan yang kecil mahupun besar, jauh mahupun dekat, saya merasakan bahawa kejayaan hasil tugasan yang dilaksanakan secara bersama adalah lebih manis untuk dikecapi daripada kejayaan yang dihasilkan secara sendirian. Doakan agar semangat bekerja yang positif ini tidak akan pudar sehingga ke hari pencen nanti. InsyaAllah.*

اقرأ

KENALI PUSTAKAWAN ANDA

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Perpustakaan Tun Abdul Razak

Unit Penerbitan dan Pemasaran,
Bahagian Komunikasi Korporat,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.

**No. Tel: 03-5544 3731**

*"LIBRARY for ALL"*

*Hak Cipta Terpelihara PTAR*